



# KITAB NASA'IH AL-'IBAD DAN TANQIH AL-QAUL OLEH SYAIKH NAWAWI AL-BANTANI: KAJIAN PERBANDINGAN TERHADAP METODE PENULISAN HADIS

(The Works of Nasa'ih al-'Ibad and Tanqih al-Qaul by Syaikh Nawawi al-Bantani: A Comparative Research on the Methods of Writing the Hadith)

Arwansyah bin Kirin<sup>1</sup>, Shakila binti Ahmad<sup>2</sup>, Muhammad Masruri<sup>3</sup>, Siti Marpuah<sup>4</sup>, Faisal Husen Ismail<sup>5</sup>,  
Nor Shela Saleh<sup>6</sup>

<sup>1,2,3,4,5</sup> Jabatan Pengajian Islam, Pusat Pengajian Umum dan Ko-kurikulum, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, <sup>6</sup> Jabatan Sains Sosial, Pusat Pengajian Umum dan Ko-kurikulum, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

## Abstract

The works of *Nasa'ih al-'Ibad* and *Tanqih al-Qaul* by Shaykh Nawawi al-Bantani are among the several major works referred to in the Archipelago in Islamic knowledge related to religious advice and aspects of *Targhib wa Tarhib*. Both works contain many hadiss. However, there is no position of the hadis presented in the two works because the methodology is not as relevant as the methodology of the authoritative work of hadis. Therefore, this study aims to look at the methodology of writing the hadis of the work *Nasa'ih al-'Ibad* and *Tanqih al-Qaul* by Shaykh Nawawi al-Bantani. In addition, this study also does comparative research on the methods of the two works to find out the points of similarities and differences between the two works. The methodology of this study is qualitative through the method of literature and content analysis design of the works of *Nasa'ih al-'Ibad* and *Tanqih al-Qaul*. This study found that there is a similarity in the methodology of hadis writing in the work *Nasa'ih al-'Ibad* and *Tanqih al-Qaul*, which is the writing of hadis without sanad and only states mukhrrij hadis only, writing hadis without sanad and mentioning Rawi al-A'la at the level of Sahabat, using the lafaz (sighat) of Ruwiya and Qala at the beginning of the hadis as well as writing the hadis using matan (Narrated by bi al-Lafz). While the difference is that in the work *Nasa'ih al-'Ibad* Shaykh Nawawi al-Bantani wrote hadis without sanad by adding rawi a'la at the level of tabi'in and some additional sighat. In the book *Tanqih al-Qaul*, he added the method of writing hadis without sanad only mentioning Muhkrij al-Hadis and rawi a'la at the beginning of the matan, adding some words or sighat hadis and using the method of stating the source of hadis such as the name of the work and the author of the work.

**Kata Kunci:** *Tanqih al-Qaul*, *Nasa'ih al-'Ibad*, *Methods of Writing the Hadis*, *Shaykh Nawawi al-Bantani*

## Article Progress

Received: 28 December 2022

Revised: 9 Januari 2023

Accepted: 10 February 2023

\*Corresponding Author:

Arwansyah bin Kirin.

Jabatan Pengajian Islam,  
Universiti Tun Hussein Onn  
Malaysia

Email:

[arwansyah@uthm.edu.my](mailto:arwansyah@uthm.edu.my)

## PENDAHULUAN

Pengkajian hadis di Nusantara belum mendapat perhatian yang besar sebagaimana dilakukan kepada ilmu-ilmu keislaman lain seperti ilmu fekah mahupun usul fekah. Walau bagaimanapun dalam beberapa waktu terakhir, perhatian kepada kajian hadis dari sudut sanad, matan dan ulum al-Hadis semakin membaik selari dengan keperluan menjaga sumber-sumber rujukan utama Islam. Malahan perbincangan hadis telah menjadi fenomena sejak kebelakangan ini, ianya semakin rancak berkembang secara formal mahupun tidak formal. Para ulama Nusantara telah mampu mengisi lompong ini di antaranya ialah Shaykh Nawawi al-Bantani. Shaykh Nawawi al-Bantani merupakan seorang ulama terkemuka di Nusantara. Beliau turut dikenali sebagai mufassir, pemikir dan fakih dalam bidang keilmuan Islam. selain itu beliau mempunyai kepakaran dalam bidang hadis. Beliau telah banyak memberikan sumbangan keilmuan kepada perkembangan hadis khsususnya dan keilmuan agama Islam umumnya di Nusantara (Ishak Hj. Sulaiman, 1999). Shaykh Nawawi al-Bantani memberikan

sumbangan besar berkaitan hadis melalui dua karyanya iaitu kitab *Nasa’ih al-‘Ibad* dan *Tanqih al-Qaul*. Namun dalam analisis penulis terhadap metode penulisan hadis melalui kedua kitab ini, beliau tidak mencantumkan sanad dengan lengkap. Hal ini mempersulit para pembaca untuk mengkritisi kualitas hadis bila ditinjau dari segi sanandnya. Pada prinsipnya seorang faqih dan ulama tafsir seperti syaikh Nawawi al-Bantani pasti mendalami kajian *ulum al-Hadis*, sebuah hadis yang sempurna tentunya memiliki periyawat yang jelas, matan yang sempurna dan sejumlah deretan nama-nama mukharrijnya. Hal ini sangat diperlukan kerana mempermudah untuk melacak kembali kepada kitab asalnya bila terjadi perselisihan. Justeru kajian ini dilakukan untuk mengulas metode penulisan hadis dalam karya utama beliau iaitu kitab *Nasa’ih al-‘Ibad* dan *Tanqih al-Qaul*. Kajian Seterusnya akan dibuat perbandingan metode penulisan hadis daripada kedua-dua kitab tersebut. Ini bertujuan untuk melihat metode penulisan hadis pada zaman mereka ke atas sumbangan perkembangan ilmu hadis.

## LATAR BELAKANG

Di dunia Islam begitu juga di Nusantara sangat kaya dengan ulama, ilmuan, cendekiawan dan intelektual dalam pelbagai bidang. Sumbangan mereka dalam ilmu pengetahuan sangat besar terhadap umat Islam dari dulu hingga sekarang sehingga dapat menyuburkan suasana pengajian ilmu di Nusantara ini. Di antaranya yang terkenal ialah Shaykh Nawawi al-Banteni nama aslinya adalah Muhammad bin ‘Umar bin ‘Arabi bin ‘Ali. Beliau terkenal dengan nama Muhammad Nawawi Shaykh al-Jawi al-Banteni (Yusuf ‘Allan Sarkis, T.th). Di Indonesia beliau dikenali dengan panggilan K.H Nawawi Putra Banten (Steenbrink. A Karel, 1984). Shaykh Nawawi dilahirkan pada tahun 1230 H/1813 M di kampung Tanara, Serang, Kecamatan Tirtayasa Kabupaten Banten, Jawa Barat Indonesia (Chaidar, 1978). Beliau meninggal dunia dalam usia 84 tahun iaitu pada 24 Syawal 1314 H/1897 M di tempat tinggalnya yang terakhir di Shi’ib ‘Ali Makkah (Rafi’uddin Ramli, T.th). Shaykh Nawawi al-Banteni adalah seorang tokoh ulama terkemuka, yang dipuji oleh Snouck Hurgronje sebagai penduduk setempat yang sangat rendah hati, seorang ilmuan pada masanya, dan penulis yang produktif dalam pelbagai disiplin ilmu. Bahkan hari ini, banyak bukunya dipelajari di pesantren Indonesia dan wilayah Nusantara lainnya.

Menurut satu sumber, Shaykh Nawawi al-Banteni telah berjaya menghasilkan 99 buah karya tulis, manakala menurut sumber lain menyatakan bahawa hasil karya beliau mencapai 115 buah yang mencakupi pelbagai bidang disiplin ilmu (Ensiklopedia Islam, 1994). Di Indonesia, karya-karya Shaykh Nawawi al-Banteni boleh didapati dipelbagai kedai buku yang ada di kota-kota (Ensiklopedia Islam, 1994). Berdasarkan hasil penelitian yang dilakukan oleh Martin Van Bruinessen ke beberapa pesantren di Indonesia, bahawa Shaykh Nawawi al-Banteni menulis tidak kurang daripada 40 buku, ianya masih banyak diguna pakai sebagai materi pembelajaran di pesantren Indonesia (Martin Van Bruinesen, 1995). Di samping itu, tidak kurang daripada 22 buah hasil karya Nawawi al-Banteni masih tersebar secara meluas, manakala 11 buah kitab karyanya adalah termasuk dalam kumpulan 100 kitab yang paling banyak digunakan di pesantren (Martin Van Bruinesen, 1995). A.H Johns (T.th) mendapatkan bahawa kesemua hasil karya beliau adalah dalam bahasa Arab yang sederhana. Hal ini mungkin karena ia sesuai dengan tahap kemampuan masyarakat Nusantara dalam memahami bahasa Arab, selain itu kitab-kitab beliau banyak digunakan di Nusantara. Karya-karya Shaykh Nawawi al-Banteni juga di pelajari di sekolah-sekolah agama Mindanou (Filipina Selatan) dan Thailand Selatan. Menurut Ray Salam T. Mangondaan, peneliti di Institute Studi Islam University of Philipines, karya Shaykh Nawawi al-Banteni banyak dipelajari di sekolah agama Filipina Selatan yang masih menggunakan sistem pembelajaran Tradisional (Agus Sutopo, 2008). Keunggulan Shaykh Nawawi al-Banteni tidak hanya diakui di negaranya tetapi juga di dunia Arab. Dia dikenal melalui karyanya dalam bahasa Arab di pelbagai disiplin ilmu. Melalui karya-karyanya yang tersebar luas, maka nama Shaykh Nawawi al-Banteni termasuk dalam kategori ulama terkenal pada abad 14 H / 19 Masehi. Dia digelari sebagai *al-Imam Muhaqqiq wa Fahmu Mudaqqiq* dan digelari juga sebagai *Imam Nawawi al-Tsani* (Asnawi, 1989). Gelaran-gelaran lain yang diberikan kepada beliau ialah *Ulama al-Hijaz*, *Imam ulama al-Haramayn*, salah seorang *Fuqaha’* dan *Hukama al-Mutaakhirin* dan maha guru pada *Nasrul Ma’arif Diniyyah* di Makkah (Ensiklopedia Islam Indonesia, 1993). Prof.Dr.Hamka menyebut bahawa Shaykh Nawawi al-Banteni merupakan tokoh ulama besar diawal abad ke empat belas hijrah atau dipenghujung

abad ke tiga belas. K.H DR. Idham Chalid pernah memuji beliau dengan menyatakan : karangan Shaykh Nawawi al-Banteni mencakupi seluruh bidang disiplin ilmu yang sangat diperlukan oleh umat Islam (Indonesia). Oleh itu, beliau berhak mendapat gelaran pujangga dunia (Chaidar, 1978).

### **Kitab *Nasa'ih al-'Ibad dan Tanqih al-Qaul***

Kitab *Nasa'ih al-'Ibad dan Tanqih al-Qaul* merupakan antara karya Shaykh Nawawi al-Banteni dalam bentuk karya ilmiyah yang dikategorikan sebagai manuskrip kitab kuning dalam bidang keagamaan Islam. *Nasa'ih al-'Ibad* memiliki keistimewaan yang tidak hanya terletak pada kedudukannya sebagai kitab kuning yang bertuliskan bahasa Arab yang merupakan syarah kepada kitab *Munabbihat 'Ala al-Isti'dad li Yawm al-Ma'ad* yang dikarang oleh Ibn Hajar al-'Asqalani, malahan juga kerana ia digunakan sebagai bahan rujukan bagi mendidik masyarakat Islam di Nusantara khususnya Indonesia serta mampu bertahan dalam jangka waktu yang begitu lama. Buktinya semenjak dihasilkan pada hari khamis 21 Safar tahun 1314 H hingga kini, kitab ini masih disyarahkan dan diajar di masjid, surau, pondok pesantren dan halakah yang terdapat dipelosok Indonesia (Muhammad Nawawi al-Banten, T.th). Kitab ini mengandungi 10 bab dan dalam setiap bab bersikan nasihat-nasihat mengikut urutan bab, misal bab 2 menjelaskan nasihat-nasihat tentang dua perkara, bab 3 menjelaskan nasihat-nasihat tentang tiga perkara, bab 4 menjelaskan nasihat-nasihat tentang empat perkara begitulah seterusnya hingga bab 10. Dalam syarah pula, beliau banyak menukil hadis-hadis *Sahih al-Bukhari*, *Sahih Muslim*, *Sunan al-Tirmidhi*, *Sunan al-Nasa'i*, *Sunan Ibn al-Majah*, *al-Mustadrak al-Hakim* dan kitab hadis lainnya bagi penjelasan matan kitab. Beliau juga mengambil pandangan daripada beberapa pakar ilmu rijal bagi menentukan hukum sesebuah hadis.

Kitab *Tanqih al-Qaul* pula merupakan syarah kepada kitab *Lubab al-Hadis* karya Jalal al-Din al-Suyuti mengandungi banyak hadis Nabi. Ianya terdiri daripada 40 bab, pada setiap bab terdiri daripada 10 hadis, antara bab-bab yang terkandung di dalamnya ialah keutamaan ilmu dan ulama, keutamaan basmalah, keutaamn iman, keutaamaan wuduk, keutamaan siwak, keutamaan Azan, keutamaan sadaqah, keutamaan puasa, keutamaan bertasbih, keutamaan bertaubat, keutamaan nikah dan keutamaan lainnya. Dalam muqaddimah kitab Syaikh Nawawi memberikan huraihan bahawa kitab ini merupakan tuntutan daripada jemaah pengajiannya yang ingin memahami syariat islam dan hikmah-hikmahnya dengan mudah sehingga kitab ini disusun secara ringkas tanpa panjang lebar. Dalam syarah pula beliau banyak menukil sumber rujukan kitab hadis seperti *Riyad al-Salihin*, *al-Durrat al-Yatimah li al-Hafiz al-Munziri*, *Sahih Muslim*, *al-Azkar al-Nawawi*, *Sunan Ibn Majah*, *Musnad Imam Ahmad*, *Sahih Ibn Hibban*, *Ihya Ulum al-Din*, *Siraj al-Munir*, *Bulugh al-Maram li Ibn Hajar al-Asqalani*, *Kifayah al-Akhyar li Abi Bakar Husni*, *Tanbih al-Akhyar li Ibn Hajar al-Haythami* dan lain sebagainya.

Kedua-dua Kitab ini termasuk dalam kategori *Targhib wa Tarhib* yang berisikan nasihat-nasihat agama yang bersumber daripada al-Qur'an, hadis-hadis Nabi SAW, atsar para Sahabat dan kata-kata hikmah para hukama terkenal daripada pelbagai kalangan sama ada daripada ahli hadis, fiqh dan tasawuf. Keduanya banyak mengandungi hadis-hadis daripada Rasulullah SAW. Hadis-hadis yang terdapat dalam kitab *Nasa'ih al-'Ibad* berjumlah lebih kurang 341 hadis, sedangkan dalam kitab *Tanqih al-Qaul* berjumlah lebih kurang 404 hadis sama ada ditulis dalam bentuk matan langsung ataupun ditulis dalam bentuk makna sahaja, dari pelbagai tingkat kesahihan hadis, pelbagai bentuk kaedah penulisan dan syarah.

### **METODOLOGI**

Kajian artikel ini menggunakan metodologi kualitatif. Pendekatan metode kepustakaan digunakan untuk menganalisis hasil karya Shaykh Nawawi al-Banteni terutama berkaitan analisis terhadap hadis-hadis yang terdapat dalam kitab *Nasa'ih al-'Ibad* dan *Tanqih al-Qaul*. Pengumpulan data adalah metode yang paling umum untuk mendapatkan data atau fakta yang berkaitan dengan subjek kajian ini. Sumber primer kajian ini adalah kitab *Nasa'ih al-'Ibad* dan *Tanqih al-Qaul* hasil penulisan Shaykh Nawawi al-Banteni sendiri. Manakala sumber sekunder pula ialah merujuk kepada buku-buku, jurnal, majalah, makalah-makalah serta sumber lain yang berkaitan.

## SKOP KAJIAN

Kajian ini memfokuskan tentang metode Shaykh Nawawi al-Bantani dalam mensyarah kitab *Munabbihat 'Ala al-Isti'dad li Yawm al-Ma'ad* yang dikarang oleh Ibn Hajar al-'Asqalani dan *Lubab al-Hadis* yang dikarang oleh Jalal al-Din al-Suyuti.

## DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan kajian daripada kitab *Nasa'ihih al-'Ibad* dan *Tanqih al-Qaul* akan dibentangkan dalam jadual berikut :

### 1.0 : Jadual dapatan kajian metode penulisan hadis dalam kitab *Nasa'ihih al-'Ibad* dan *Tanqih al-Qaul* oleh Shaykh Nawawi al-Bantani

| No | Aspek Perbincangan   | Kitab <i>Nasa'ihih al-'Ibad</i>   | Kitab <i>Tanqih al-Qaul</i>   |
|----|--|---|---|
| 1  | <b>Aspek penulisan <i>sanad</i></b>  | 1. Menggunakan kaedah penulisan hadis tanpa <i>Sanad</i> dan hanya menyebut perawi ( <i>Mukhrij al-Hadis</i> ) yang mengeluarkan hadis tersebut.<br>2. Penulisan hadis sama dengan pertama dengan penambahan <i>Rawi al-A'la</i> daripada <i>Tabi'in</i> .<br>3. Kaedah ini sama dengan pertama dengan menambahkan <i>Rawi al-A'la</i> diperangkat Sahabat. | 1. Menggunakan kaedah penulisan hadis tanpa sanad hanya menyebut <i>Muhkrij al-Hadis</i> yang mengeluarkan hadis tersebut.<br>2. Menggunakan kaedah penulisan hadis tanpa sanad hanya menyebut <i>Muhkrij al-Hadis</i> dan <i>rawi al-A'la</i> di awal matan.<br>3. Penulisan hadis tanpa <i>sanad</i> dan hanya menyebutkan <i>Rawi al-A'la</i> diperangkat Sahabat. |
| 2  | <b>Aspek penggunaan <i>lafaz</i> dan <i>sighat</i> dalam riwayat hadis</b> | 1. Menggunakan kaedah penulisan hadis hanya dengan <i>Sighat Ruwiya al-Marfu' Ila Nabi</i> .<br>2. Menggunakan <i>lafaz</i> atau <i>sighat</i> روی (Ruwiya) dan قال (Qala).<br>3. Menggunakan <i>lafaz</i> atau <i>sighat</i> روی (Ruwiya) dan قال بعض الصحابة (Qala).  | 1. Menggunakan <i>lafaz</i> atau <i>sighat</i> روی (Ruwiya) dan قال (Qala).<br>2. Menggunakan <i>lafaz</i> atau <i>sighat</i> وفي رواية (Qala).<br>3. menggunakan <i>lafaz</i> dan singat قال بعض الصحابة<br>4. Menggunakan <i>lafaz</i> وقوله صلى الله عليه وسلم (Fi al-Khabar).   |
| 3  | <b>Aspek penyataan sumber hadis</b>  |   | 1. Menggunakan kaedah penulisan hadis dengan menyebut nama kitab.<br>2. Menggunakan kaedah penulisan hadis dengan menulis pengarang kitab.<br>3. Menggunakan kaedah penulisan hadis dengan menyebut pengarang kitab dan <i>rawi al-A'la</i> .   |

|   |                                     |   |   |
|---|-------------------------------------|---|---|
| 4 | <b>Aspek penulisan <i>matan</i></b> | 1. Menggunakan kaedah penulisan hadis dengan <i>matan</i> hadis sahaja. | 1. Menggunakan kaedah penulisan hadis dengan <i>matan</i> hadis sahaja. |
|---|-------------------------------------|---|---|

## PERBINCANGAN

Berdasarkan jadual di atas di dapati bahawa terdapat persamaan dan perbezaan metode penulisan hadis dalam kitab *Nasa'ih al-'Ibad* dan *Tanqih al-Qaul* oleh shaykh Nawawi al-Bantani. Perbincangan berkaitan perkara ini seperti berikut :

### 1. Aspek penulisan *sanad*.

Daripada jadual di atas, Shaykh Nawawi al-Bantani menggunakan tiga metode penulisan hadis dalam kitab *Nasa'ih al-'Ibad* iaitu:

Pertama: Penulisan hadis tanpa *Sanad* dan hanya menyebut perawi (*Mukhrij al-Hadis*), misalnya (Muhammad Nawawi al-Banteni, T.th):

روى أنه صلى الله عليه وسلم قال : اللهم اني أسألك نفسا مطمئنة تؤمن بلقائك وترضى بقضائك وتقنع بعطائك(رواه الطبراني)

Kedua: Menulis hadis tanpa *sanad* dan hanya menyebut *Rawi al-A'la* daripada Tabi'in, misalnya (Muhammad Nawawi al-Banteni, T.th) :

قال صلى الله عليه وسلم : حب الدنيا رأس كل خطيئة (رواه البيهقي عن الحسن البصري)

Ketiga: Penulisan hadis tanpa *sanad* dan hanya menyebutkan *Rawi al-A'la* diperingkat Sahabat, misalnya (Muhammad Nawawi al-Banteni, T.th) :

عن أبي هريرة رضي الله عنه قال : قال رسول الله صلى الله عليه وسلم : كل أمر ذى بال لا يبدأ فيه بحمد الله فهو أقطع آخرجه ابن حبان.

Dan ada kalanya beliau menyebutkan nama Sahabat pada akhir matan hadis setelah disebutkan perawi yang mengeluarkan hadis tersebut, misalnya (Muhammad Nawawi al-Banteni, T.th) :

قال النبي صلى الله عليه وسلم ) ستة لعنهم ولعنهم الله تعالى وكل نبي مجاب الدعوات الرائد في كتاب الله تعالى و المكذب بقدر الله تعالى والمسلط بالجبروت فيعز من أذله الله تعالى ويذل من اعزه الله والمستحل لحرم الله تعالى والمستحل من عتني ما حرم الله و التارك لستني فان الله تعالى لا ينظر اليهم يوم القيمة نظر الرحمة (روي هذا الحديث الترمذى والحاكم عن عائشة والحاكم عن علي).

Manakala dalam kitab *Tanqih al-Qaul* beliau juga menggunakan tiga metode iaitu:

Pertama: Kaedah penulisan hadis tanpa *sanad* dan hanya menyatakan *Muhkrij al-Hadis yang mengeluarkan hadis tersebut, misalnya* (Muhammad Nawawi al-Banteni, T.th) :

وفي رواية الترمذى فضل العالم على العابد كفضل على أدناكم

Kedua: Menggunakan kaedah penulisan hadis tanpa *sanad* hanya menyebut *Muhkrij al-Hadis* dan *rawi al-A'la* di awal *matan*, misalnya (Muhammad Nawawi al-Banteni, T.th) :

وفي حديث رواه الطبراني عن ابن مسعود بإسناد حسن تخللوا فإنه نظافة و النظافة تدعو إلى الإيمان والإيمان مع صاحبه

Ketiga: Penulisan hadis tanpa *sanad* dan hanya menyebutkan *Rawi al-A'la* diperingkat Sahabat, misalnya (Muhammad Nawawi al-Banteni, T.th) :

عن عمر ابن الخطاب قال سمعت رسول الله صلى الله عليه وسلم يقول من مشى الى حلقة عالم كان له بكل خطوة مائة حسنة

Dan ada kalanya beliau juga menyebutkan nama Sahabat pada akhir *matan* hadis setelah disebutkan perawi yang mengeluarkan hadis tersebut, misalnya (Muhammad Nawawi al-Bantani, T.th) :

من إغتسل يوم الجمعة كان بظاهره إلى الجمعة الأخرى (رواية الحاكم عن قتادة)

Daripada aspek pertama ini menunjukkan bahawa metode penulisan hadis dalam kitab *Nasa'ih al-'Ibad* dan *Tanqih al-Qaul* oleh Shaykh Nawawi al-Bantani adalah sama-sama menggunakan kaedah penulisan hadis tanpa *sanad* dan hanya menyatakan *mukhrij al-hadis* sahaja, sama-sama menggunakan kaedah penulisan hadis tanpa *sanad* dan hanya menyebutkan *Rawi al-A'la* diperingkat Sahabat. Bezanya dalam kitab *Nasa'ih al-'Ibad* beliau menambahkan *rawi al-A'la* diperingkat Tabi'in sedangkan dalam kitab *Tanqih al-Qaul* pula beliau menambahkan kaedah penulisan hadis tanpa sanad hanya menyebut *Muhkrij al-Hadis* dan *rawi al-A'la* di awal *matan*. Penulisan seperti ini selari dengan metode yang banyak digunakan oleh ulama-ulama di Nusantara pada abad ke 14 (Badri Khaeruman, 2017). Menurut kajian Ahmad Levi metode penulisan hadis tanpa *sanad* oleh ulama Nusantara pada masa ini bukanlah bermakna ulama-ulama ketika itu mengabaikan kepentingan *sanad*. Namun ianya bertujuan untuk meringkaskan penulisan agar lebih mudah dan fokus dalam diskusi dan perdebatan (Ahmad Levi & Jawiyah Dakir, 2012). Kenyataan inipun diungkapkan sendiri oleh shaykh Nawawi al-Bantani dalam muqaddimah kitab *Tanqih al-Qaul* yang mana beliau menyebutkan bahwa :

فحذفت الأسانيد للإختصار

Maksudnya: Saya menghapus sanad-sanad hadis untuk meringkaskan penulisan (Muhammad Nawawi al-Bantani, T.th).

Penulisan hadis tanpa *sanad* bukan hanya terdapat dalam bidang hadis sahaja, dalam bidang tafsir juga banyak digunakan oleh mufassir terutama mufassir melayu (Nusantara) ketika mereka meletakkan hadis-hadis sebagai penyokong bagi ayat-ayat al-Quran yang mereka tafsirkan misalnya Zainuddin Hamidy dalam karyanya *Tafsir Qur'an*, Abd Ra'uf al-Fansuri dalam karyanya *Tarjuman al-Mustafid* dan Haji Abd al-Halim Hasan dalam *Tafsir al-Qur'an al-Karim* (Parlindungan Simbolon, 2013). *Sanad* atau *Tariq* ialah rangkaian riwayat yang menghubungkan matan hadis kepada Nabi saw (Muhammad 'Ajjaj al-Khatib, 1975). *Sanad* adalah suatu keistimewaan umat Islam yang tidak ada pada umat-umat terdahulu. Prihatin terhadap *sanad* dalam menyampaikan berita (hadis) adalah suatu sunnah yang amat dituntut dan merupakan suatu syiar umat ini. Oleh yang demikian wajiblah setiap Muslim bersandar kepada *sanad* dalam menyampaikan hadis begitu juga dalam menulis hadis. Peletakan *sanad* dalam penulisan dan pengkajian hadis pada amnya bukan hanya berfungsi untuk mengesahkan kedudukan hadis sahaja tetapi ianya juga berfungsi sebagai nilai spiritual (Arif Chasanul Muna, 2016). Oleh itu penulisan *sanad* dalam sesebuah hadis akan memudahkan untuk mengesan apakah hadis tersebut *Marfu*, *Mawquf* atau *Maqtu'*, apakah ianya hadis *Sahih*, *Da'iif* atau *Mawdu'*. Jika ianya tidak ditulis maka akan sukar untuk memastikan kesahihan dan keda'ifan sesebuah hadis tersebut (Faizuri Abdul Latif & Ahmad Faisal Abdul Hamid, 2009). Ibn al-Mubarak pernah mengatakan : *sanad* adalah sebahagian (syiar) agama, kalaularah tidak kerana adanya *sanad* niscaya orang akan berkata apa saja yang mereka mahu (Muslim bin Hujjaj al-Qusayri, 1924) dan yang memisahkan antara kami dengan golongan yang tidak dapat dipercaya riwayatnya adalah *sanad* (Muslim bin Hujjaj al-Qusayri, 1924). al-Nawawi (pengarang kitab Arba'in al-Nawawi) ketika mengomentari pernyataan Ibn al-Mubarak di atas mengatakan bahwa bila *sanad* hadis berkualiti *sahih* maka hadis itu dapat diterima sedangkan bila tidak *sahih* maka harus ditinggalkan. Beliau menyatakan bahawa hubungan hadis dengan sanadnya semisal hubungan antara haiwan dengan kakinya, oleh itu keduanya tidak boleh dipisahkan sama ada semasa menyampaikan hadis mahupun semasa menuliskan hadis (Muslim bin Hujjaj al-Qusayri, 1924). al-Thawri juga pernah berkata bahwa *sanad* adalah senjata orang mukmin, jika pada diri orang mukmin tidak ada senjata maka dengan apa dia akan menghadapi perperangan (Nur al-Din al-'Itr, 1979), al-Awza'i mengatakan bahwa hilangnya pengetahuan hadis tidak akan terjadi kecuali jika *sanad* haditnya hilang (Nur al-Din al-'Itr, 1979). Begitu pentingnya *sanad* dalam menyampaikan hadis begitu juga dalam penulisan hadis. Kepentingan *sanad* dan nilainya akan dapat dirasakan oleh orang yang mengkaji *rijal* sesebuah hadis setelah mengkjajinya di dalam kitab-kitab yang menjelaskannya. Kepentingannya adalah seiring dengan kepentingan mengetahui *Ittisal* dan *Inqita'* sesebuah hadis itu, kalau tidak demikian niscaya sukar atau mustahil untuk membezakan mana hadis yang *sahih* dan mana hadis yang

palsu dan akan beranilah para pendusta untuk mereka-reka hadis (Mahmud al-Tahhan, 1996). Oleh itu untuk mengetahui semua perkara tersebut masih perlu adanya kajian *takhrij* dan *dirasah asanid* terhadap sanad-sanad hadis ini, sehingga kita mengetahui kedudukan hadis sebenar, sama ada ianya boleh diterima sebagai hujah atau tidak, sama ada ianya boleh diamalkan ataupun tidak.

## 2. Aspek penggunaan *lafaz* dan *sighat* dalam riwayat hadis.

Jadual di atas menunjukkan bahawa dalam kitab *Nasa'ih al-Ibad* shaykh Nawawi al-Bantani menggunakan tiga metode iaitu:

Pertama: Menggunakan kaedah penulisan hadis hanya dengan *sighat ruwiya al-Marfū'* *ila nabi*, misalnya (Muhammad Nawawi al-Banteni, T.th):

روي مرفوعا الى رسول الله صلى الله عليه وسلم : تفكروا في آيات الله ولا تفكروا في الله فانكم لم تقدروه حق قدره.

وفي حديث الطبراني مرفوعا الى رسول الله صلى الله عليه وسلم : ان من زنا فيه أو شرب خمرا لعنه الله ومن في السموات الى مثله من الحول الثاني.

Kedua: Menggunakan *lafaz* atau *sighat* (*Ruwiya*) dan (*Qala*). Misal pada sighat *Ruwiya* (Muhammad Nawawi al-Banteni, T.th)

روي عن النبي صلى الله عليه وسلم أنه قال : استعينوا على الحاجات بالكتمان فان كل ذى نعمة محسود.

Misal pada sighat *Qala* (Muhammad Nawawi al-Banteni, T.th)

قال صلى الله عليه وسلم : ليس خيركم من ترك الدنيا للآخرة ولا الآخرين للدنيا ولكن خيركم من أخذ من هذه و هذه.

Ketiga: Menggunakan *lafaz* atau *sighat* (*Fi al-Khabar*), misalnya (Muhammad Nawawi al-Banteni, T.th) :

وفي الخبر (تفكر ساعة خير من عبادة ستين سنة )

Sedangkan dalam kitab *Tanqih al-Qaul* beliau menggunakan empat metode iaitu:

Pertama: Menggunakan *lafaz* atau *sighat* (*Ruwiya*) dan (*Qala*), misal pada sighat *Ruwiya* (Muhammad Nawawi al-Banteni, T.th)

روي أنه صلى الله عليه وسلم قال لسيدنا زيد الأنصاري : فإن صعب لك شيء من أمور الدنيا فأكثر من قول لا إله إلا الله محمد رسول الله ولا حول ولا قوة إلا بالله العلي العظيم

misal pada sighat *Qala* (Muhammad Nawawi al-Banteni, T.th)

قال رسول الله صلى الله عليه وسلم : أكرم العلماء فائهم ورثة الأنبياء فمن أكرمهم فقد أكرم الله ورسوله

Kedua: Menggunakan *lafaz* atau *sighat* وفي رواية misalnya (Muhammad Nawawi al-Banteni, T.th) :

وفي رواية : من صلى علي ألف مرة بشر بالجنة قبل موته

Ketiga: Menggunakan *lafaz* dan singat misalnya (Muhammad Nawawi al-Banteni, T.th):

قال بعض الصحابة لرسول الله صلى الله عليه وسلم : صلاة الله عشر مرات علىك مرت واحدة هل ذلك من كان حاضر القلب  
قل بل هو لكل مصلى على غافل ويعطيه الله أمثال الجبال و الملائكة تدعوه وتستغفر له واما إذا كان حاضر القلب وقت الصلاة  
عليه فلا يعلم قدر ذلك إلا الله

Keempat: Menggunakan *lafaz* dan *sighat* قوله صلى الله عليه وسلم misalnya (Muhammad Nawawi al-Banteni, T.th) :

قوله صلى الله عليه وسلم : من أتى عرفا لم تقبل له صلاة

Daripada aspek kedua ini shaykh Nawawi al-Bantani sama-sama menggunakan *lafaz* atau *sighat Ruwiya dan Qala* pada sebahagian awal hadis dalam kitab *Nasa'ih al-'Ibad* dan *Tanqih al-Qaul*. Sedangkan *lafaz-lafaz* yang lain banyak digunakan oleh shaykh Nawawi al-Bantani dalam kitab *Nasa'ih al-'Ibad* yang tidak terdapat dalam kitab *Tanqih al-Qaul* begitu juga sebaliknya. Kaedah penulisan hadis yang menggunakan *sighat Ruwiya, Qala, Fi al-Riwayah, Qauluhu Nabi saw*, sudah boleh diketahui bahawa ianya adalah hadis *Marfu'* tetapi belum diketahui status hukum hadis secara pasti apakah ianya *sahih, hasan* ataupun *da'if*. Sedangkan kaedah penulisan hadis dengan *sighat* atau *lafaz* yang lain daripada itu maka masih sukar untuk mengetahui status dan sumber asal hadis apakah ianya *marfu'*, *mawquf* atau *maqtu'* apakah ianya hadis *sahih, hasan* ataupun *da'if*, oleh itu perlu diadakan kajian *takhrij* secara mendalam. Dalam kaedah penulisan hadis dikenal adanya *Sighah Tamrid* artinya adalah isyarat akan lemahnya sesebuah hadis yang dibina dengan *Majhul* iaitu dengan kata kerja pasif seperti: يُروي (يقال)، (يُذكر)، (يُبلغنا) عنه كذا (أو ورد عنـه أو جاءـه عنـه (نقل يـحـكي)). Sedangkan *Sighah Jazam* adalah isyarat akan kesahihan atau kehasaran suatu hadis yang dibina dengan *Ma'lum* iaitu kata kerja aktif seperti: (فـالـرسـولـ اللـهـ، يـقـولـ رـسـولـ اللـهـ، رـوـيـ، عـنـ رـسـولـ اللـهـ) (Jalal al-Din al-Suyuti, 1996). Al-Nawawi (pengarang kitab *al-Arba'in Nawawi*) mengatakan bahawa *sighah jazam* adalah digunakan untuk hadis *sahih* dan *hasan* dan tidak boleh dipakai pada hadis *da'if*. Beliau juga mengatakan bahwa *Sighah Jazam* yang dipakai pada hadis *sahih* dan *hasan* tidak semestinya hadis itu mutlak *sahih* dengan keberadaan *sighat* boleh jadi sebaliknya dan mesti dilihat kepada siapa perawi yang menyandarkan hadis tersebut (Abu Zakariya Muhy al-Din al-Nawawi, 1996). Tidak semua berita yang disampaikan oleh Sahabat Nabi dengan *sighat* di atas adalah hadis Nabi, berita itu ada yang berstatus hadis *marfu'* ada yang *maqtu'* dan ada pula *mawquf*. Untuk mengetahui itu perlu adanya penelitian dan analisis *takhrij* terhadap hadis tersebut. Daripada keterangan di atas dapat diketahui bahawa Shaykh Nawawi al-Bantani telah menggunakan beragam *sighat* atau *lafaz* pada permulaan hadis dalam kitab *Nasa'ih al-'Ibad* dan *Tanqih al-Qaul*, sama ada *Sighah Jazam* mahupun *Sighah Tamriḍ*, sedangkan *lafaz* atau *sighat* yang lain yang beliau gunakan adalah metode beliau sendiri dalam menukikan dan menuliskan hadis. Sekalipun dia menggunakan metode sendiri tetapi para penulis hadis perlu menghayati apa yang dikatakan oleh Dr.Mahmud al-Tahhan : sepantasnya bagi penulis hadis mencurahkan kesungguhannya dalam menulis harakat dan titik serta menjaganya dari campur-aduk. Memberikan harakat terutama nama-nama kerana tidak diketahui apa harakat sebelum sesudahnya. Hendaklah menulis dengan tulisan yang jelas dan sesuai dengan kaidah penulisan pada amnya. Dan hendaklah tidak membuat istilah sendiri dengan istilah khusus berupa singkatan yang tidak diketahui oleh orang banyak (Mahmud al-Tahhan, 1987). Oleh itu perlu ke hati hatian dalam menuliskan sesebuah hadis sama ada dalam bentuk buku mahupun lembaran-lembaran.

### 3. Aspek penyataan sumber hadis.

Dari pada jadual di atas dapat dilihat bahawa Shaykh Nawawi al-Bantani tidak menggunakan kaedah ini dalam kitab *Nasa'ih al-'Ibad* sedangkan dalam kitab *Tanqih al-Qaul* terdapat tiga metode iaitu:

Pertama: Menggunakan kaedah penulisan hadis dengan menyebut nama kitab sahaja, misalnya (Muhammad Nawawi al-Banteni, T.th) :

وفي الإحياء قال صلى الله عليه وسلم : إذا نام العبد على طهارة عرق بروحه إلى العرش فكانت رؤياه صادقة، وإن لم ينم على طهارة قصرت روحه عن البلوغ، فتلك المنامات أضغاث أحلام لا تصدق

Kedua: Menggunakan kaedah penulisan hadis dengan menyebut pengarang kitab sahaja, misalnya (Muhammad Nawawi al-Banteni, T.th) :

أخرج ابن عساكر قال قال رسول الله صلى الله عليه وسلم إن قول لا إله إلا الله تدفع عن قائلها تسعة وتسعين بابا من البلاء أدنى

لهم

Ketiga: Menggunakan kaedah penulisan hadis dengan menyebut pengarang kitab dan *rawi al-A'la*, misalnya (Muhammad Nawawi al-Banteni, T.th) :

أخرج الحكيم عن زيد بن الأرقم قال قال رسول من قال لا إله إلا الله مخلصا دخل الجنة قيل : يارسول الله وما إخلاصها؟ قال إن  
تجزءه عن الحمار

#### 4. Aspek penulisan *matan*.

Berdasarkan jadual di atas shaykh Nawawi al-Bantani menggunakan satu metode penulisan hadis dengan *matan* dalam kitab *Nasa'ihih al-'Ibad* misalnya (Muhammad Nawawi al-Banteni, T.th) :

خصلتان لا شيء أفضلاً منها : الإيمان بالله والنفع للمسلمين، وحصلتان لا شيء أخبث منها : الشرك بالله والضر بال المسلمين.

Sedangkan dalam kitab *Tanqih al-Qaul* juga terdapat satu metode, misalnya (Muhammad Nawawi al-Banteni, T.th) :

من ادرك من الجمعة ركعة فاليصل اليها الأخرى

Daripada aspek ke empat ini menunjukkan bahawa metode penulisan hadis dalam kitab *Nasa'ihih al-'Ibad* dan *Tanqih al-Qaul* oleh Shaykh Nawawi al-Bantani adalah sama-sama menggunakan kaedah penulisan hadis dengan *matan*. Daripada aspek penulisan hadis dengan *matan*, maka shaykh Nawawi al-Bantani menulis hadis menggunakan *matan* (*Riwayat bi Lafzi*). Meriwayatkan hadis dengan lafaz adalah meriwayatkan hadis sesuai dengan lafaz yang mereka terima daripada Nabi Muhammad. Dengan istilah lain yaitu meriwayatkan hadis dengan lafaz yang masih asli dari Nabi Muhammad SAW. Kebanyakan sahabat menempuh perniwayatan hadis melalui jalur ini. Mereka berusaha agar perniwayatan hadis sesuai dengan redaksi daripada baginda SAW bukan menurut redaksi mereka. Malahan semua sahabat menginginkan agar perniwayatan itu dengan lafzi bukan maknawi (Ensiklopedia Islam, 2003) Tercatat dalam sejarah, bahwa para sahabat Nabi SAW adalah orang yang sangat berhati-hati dan ketat dalam perniwayatan hadis. Mereka tidak mau meriwayatkan sebuah hadis hingga yakin betul teks serta huruf demi huruf yang akan disampaikan itu sama dengan yang mereka terima daripada Nabi Muhammad SAW. Sebahagian sahabat ada yang jika ditanya tentang sebuah hadis merasa lebih senang jika sahabat lain yang menjawabnya. Hal demikian agar ia terhindar dari kesalahan perniwayatan. Menurut mereka, apabila hadis yang diriwayatkan itu tidak sesuai dengan redaksi yang diterima, mereka telah melakukan perbuatan dosa, seolah-olah telah melakukan pendustaan terhadap Nabi Muhammad SAW. Kekhawatiran tersebut karena didorong oleh rasa keimanan mereka yang kuat kepada Nabi Muhammad SAW. Menulis hadis yang hanya menggunakan *matan*, masih susah dikesan statusnya, hukumnya dan sumber asalnya. Oleh itu untuk kaedah ini masih diperlukan kajian *takhrij* dan *dirasah asanid* untuk mengetahui status hadis tersebut sama ada ianya *marfu'*, *mawquf* atau *maqtu'*, sama ada *sahih*, *hasan*, *da'if*, atau *mawdu'*. Hadis-hadis yang ditulis dengan *matan* langsung (diriwayatkan secara *lafzi*) oleh para Sahabat sebagai saksi pertama hanyalah hadis yang dalam bentuk sabda dan didengar langsung daripada Nabi saw. Sedangkan hadis yang tidak dalam bentuk sabda (tidak didengar langsung daripada Nabi) hanya dimungkinkan dapat diriwayatkan secara makna. Kerana hadis yang tidak didengar langsung daripada Nabi adalah kalimat yang berpindah dari satu Sahabat kepada Sahabat yang lain. Para sahabat yang berpegang pada perniwayatan dengan *Lafzi* di antaranya ialah 'Umar bin al-Khattab, 'Abd Allah bin 'Umar dan Zayd bin al- Arqam, ulama yang lain yang tetap berpegang dengan perniwayatan hadis secara lafaz ialah Muhammad bin Sirin, Raja' bin Haywah, Qasim bin Muhammad, Tha'lab bin Nahwi, Abu Bakar al-Razi (Hasan bin Abd al-Rahman al-Ramahurmuzi, 1971).

Secara ringkasnya persamaan dan perbezaan metode penulisan hadis dalam kitab *Nasa'ihih al-'Ibad* dan *Tanqih al-Qaul* oleh Nawawi al-Bantani dapat dilihat dalam jadual berikut:

#### 2.0 : Jadual persamaan dan perbezaan metode penulisan hadis dalam kitab *Nasa'ihih al-'Ibad* dan *Tanqih al-Qaul* oleh Nawawi al-Bantani

| No | Kitab <i>Nasa'ihih al-'Ibad</i> dan <i>Tanqih al-Qaul</i> | Persamaan | Perbezaan |
|----|---|-----------|-----------|
|----|---|-----------|-----------|

|    |  |   |   |
|----|--|---|---|
| 1  | Aspek penulisan <i>sanad</i> .                                       | Metode shaykh Nawawi al-Bantani dalam kitab <i>Nasa'ih al-'Ibad</i> dan <i>Tanqih al-Qaul</i> sama-sama menggunakan kaedah penulisan hadis tanpa <i>sanad</i> dan hanya menyatakan <i>mukhrij al-hadis</i> sahaja, sama-sama menggunakan kaedah penulisan hadis tanpa <i>sanad</i> dan hanya menyebutkan <i>Rawi al-A'la</i> diperangkat Sahabat, | Dalam kitab <i>Nasa'ih al-'Ibad</i> syaikh Nawawi al-Bantani menambahkan <i>rawi al-A'la</i> diperangkat Tabi'in sedangkan dalam kitab <i>Tanqih al-Qaul</i> pula beliau menambahkan kaedah penulisan hadis tanpa sanad hanya menyebut <i>Muhkrij al-Hadis</i> dan <i>rawi al-A'la</i> di awal <i>matan</i> . |
| .2 | Aspek penggunaan <i>lafaz</i> dan <i>sighat</i> dalam riwayat hadis. | Metode shaykh Nawawi al-Bantani dalam kitab <i>Nasa'ih al-'Ibad</i> dan <i>Tanqih al-Qaul</i> sama-sama menggunakan <i>lafaz</i> atau <i>shigat Ruwiya</i> dan <i>Qala</i> pada sebahagian awal hadis.  | Dalam kitab <i>Nasa'ih al-'Ibad</i> Shaykh Nawawi al-Bantani menambahkan <i>lafaz</i> atau <i>sighat</i> : روی مرفوعاً الى رسول الله صلى الله عليه وسلم، في الخبر Sedangkan dalam kitab <i>Tanqih al-Qaul</i> beliau menambahkan <i>lafaz</i> : وفي رواية، قال بعض الصحابة، قوله صلى الله عليه وسلم           |
| 3  | Aspek penyataan sumber hadis.  | Tiada dijumpai persamaan dalam metode ini.  | Dalam kitab <i>Tanqih al-Qaul</i> Shaykh Nawawi al-Bantani menggunakan kaedah ini, sedangkan dalam kitab <i>Nasa'ih al-'Ibad</i> beliau tidak menggunakan.  |
| 4  | Aspek penulisan <i>matan</i> hadis.                                  | Dalam kedua-dua kitab shaykh Nawawi al-Bantani sama-sama menulis hadis menggunakan <i>matan</i> ( <i>Riwayat bi al-Lafz</i> ).  | Tiada dijumpai perbezaan  |

## KESIMPULAN

Shaykh Nawawi al-Bantani merupakan ulama dan cendekiawan Islam yang memiliki reputasi bertahap global. Keilmuan dan kitab yang dimilikinya diakui di dunia khususnya Nusantara. Keaktifannya dalam menulis buku dan berkarya dalam pelbagai bidang disiplin ilmu amat berkualiti. Karya-karyanya masih banyak digunakan di Asia Tenggara khususnya Indonesia dan menjadi rujukan hingga ke hari ini di antaranya ialah kitab *Nasa'ih al-'Ibad* dan *Tanqih al-Qaul*. Dalam kajian ini, metodologi penulisan hadis yang digunakan oleh shaykh Nawawi al-Bantani dalam kitab *Nasa'ih al-'Ibad* dan *Tanqih al-Qaul* adalah beragam sehingga terdapat beberapa persamaan maupun perbezaan di antara kedua kitab. Penggunaan pelbagai metodologi yang dilakukan oleh shaykh Nawawi al-Bantani ini menunjukkan bahawa beliau memiliki kepakaran dalam ilmu hadis, walaupun dalam karyanya tidak memperlihatkan metode penulisan hadis secara khusus, tidak bermaksud beliau tidak mempunyai kepakaran dalam ilmu hadis. Sebaliknya, kajian ini menunjukkan bahawa beliau memiliki pengetahuan dan kepakaran dalam bidang hadis walaupun tidak setanding dengan ulama hadis ternama. Selain itu, kajian ini juga dapat memberikan implikasi yang positif terhadap masyarakat di antaranya seperti memberikan pendedahan kepada masyarakat tentang metode penulisan hadis dalam kitab *Nasa'ih al-'Ibad* dan *Tanqih al-Qaul* oleh shaykh Nawawi al-Bantani. Selain itu, ianya dapat membentuk sifat berhati-hati dalam merujuk kepada karya yang mengandungi hadis Nabi Muhammad SAW. Perkara ini dapat digunakan secara

praktikal dalam pengajaran dan amalan masyarakat Islam khususnya di Indonesia dan Malaysia kerana kitab *Nasa'ih al-‘Ibad dan Tanqih al-Qaul* ini digunakan secara meluas di pesantren dan pengajian pondok bahkan inti patinya bersesuaian dengan amalan masyarakat Islam di Nusantara.

## RUJUKAN

- Agus Sutopo. (2008). *Sumbangan Nawawi al-Bantani Dalam Bidang Hadis : Kajian Terhadap Kitab Tanqih al-Qawl*. Disertasi Majister. Jabatan al-Quran dan Hadis. Akademi Pengajian Islam, UM.
- Avivy, A. L. F., & Dakir, J. (2012). *Methodology of Writing Hadis in the Works of Muhammad Nawawi al-Bantani*. Journal of Applied Sciences Research, 8(4).
- Asnawi. (1989). *Pemikiran Shaykh Nawawi Tentang Ayat Qada' dan Qadar Dalam Kitab Tafsirnya Marah Labib*. Tesis Sarjana. Jakarta: IAIN Syarif Hidayatullah.
- Bruinesen, Martin Van. (1415/1995). *Kitab Kuning (Pesantren dan Tarekat)*. Terjemahan. Bandung: Mizan.
- Chaidar. (1978). *Sejarah Pujangga Islam Shaykh Nawawi Banten*. Jakarta: CV Sarana Utama.
- Ensiklopedia Islam Indonesia. (1993). Jakarta: Depdikbud Indonesia.
- Ensiklopedia Islam. (1994). Jakarta: PT, Ichtiar Baru Van Hoeve.
- Ensiklopedi Islam. (2003). Jakarta : PT Ichtiar Baru Van Hoeve.
- Johns, A.H. (T.th). *Qur'anic Exegesis in the Malay Word*. T.tp: T.pt.
- Karel, S.A. (1984). *Beberapa Aspek Tentang Islam di Indonesia Abad ke 19*. Jakarta: Terjemahan Bulan Bintang.
- Muhammad Nawawi al-Banteni. (T.th). *Nasa'ih al-‘Ibad Fi Bayan Alfaz Munabbihat ‘Ala al-Isti’dad li Yaum al-Ma’ad*. Indonesia: Dar Ihta’ al-Kutub al-‘Arabiyyah.
- Muhammad Nawawi al-Banteni. (T.th). *Tanqih al-Qaul al-Hathith Fi Syarah Lubab al-Hadis*. T.tp: T.pt.
- Rafii’uddin Ramli. (T.th). *Sejarah Hidup dan Silsilah Keturunan Shaykh Nawawi Banten*. Banten: Yayasan Nawawi Tanara.
- al-‘Itr, Nur al-Din al-‘Itr. (1399/1979). *Manhaj al-Naqd Fi ‘Ulum al-Hadis*. Damaskus: Dar al-Fikr.
- al-Khatib, Muhammad ‘Ajjaj. (1975). *Usul al-Hadis ‘Ulumuha wa Mustalahuhu*, cet.3. Beirut : Dar al-Fikr.
- Khaeruman, B. (2017). *Perkembangan Hadis di Indonesia pada Abad XX*. Diroyah: Jurnal Studi Ilmu Hadis.
- Latif, F. A., & Hamid, A. F. A. (2009). *Tradisi Penulisan Hadis dalam Karya Ulama’Melayu: Kajian Terhadap Kitab ‘Aqidah al-Najin*. Jurnal Usuluddin, 30.
- Muna, A. C. (2016). Penulisan Kitab al-Thabat Dalam Kajian Hadis di Nusantara. Dipresentasikan pada 1<sup>st</sup> ASILHA International Conference: Hadis Studies and Its Contribution for Indonesia and Muslim World di UIN Sunan Kalijaga Yogyakarta 26 Oktober 2016.
- Muslim, Muslim bin Hujjaj al-Qusayri. (1375/1955). *Sahih Muslim*. ttp: ‘Isa al-Babi al-Halabi wa Syurakah.
- Muslim, Muslim bin Hujjaj al-Qusayri. (1924). *Sahih Muslim bi Syarah al-Nawawi*. Mesir: Matba’ah Misriyah.
- al-Nawawi, Abi Zakariya Muhy al-Din al-Nawawi. (1417/1996). *al-Majmu’ Sharah al-Muhadhdhab*. Beirut: Dar al-Fikr.
- al-Ramahurmuzi, al-Hasan bin ‘Abd al-Rahman. (1391/1971). *al-Muhaddith al-Fasil Bayna al-Rawi wa al-Wa’i*, cet : 1. al-Qahirah: Dar al-Bayan.
- Simbolon, Parlindungan. (2013). *Metode Penulisan Hadis Dalam Tafsir Bahasa Melayu : Kajian Perbandingan Antara Tafsir al-Misbah dan Tafsir Pedoman al-Muttaqin*, Disertasi Majister. Jabatan al-Qur'an dan Hadis. Akademi Pengajian Islam, University of Malaya.
- Sulaiman, I. H. (1999). *Metodologi Penulisan Bulugh al-Maram Sebagai Kitab Hadis al-Ahkam*. Jurnal Usuluddin, 10.
- al-Suyuti, Jalal al-Din ‘Abd al-Rahman bin Abi Bakar. (1417/1996). *Tadrib al-Rawi Fi Sharah Taqrib al-Nawawi*. Beirut: Dar al-Kitab al-‘Arabi.
- al-Tahhan, Mahmud Ibn Ahmad al-Tahhan. (1417/1996). *Usul al-Takhrij wa Dirasat al-Asanid*. Riyad: Maktabah al-Ma’rif li Nasyr wa al-Tawzi’.

- al-Tahhan, Mahmud Ibn Ahmad al-Tahhan. (1987). *Taysir Mustalah al-Hadis*. Riyad: Maktabah al-Ma'arif.
- Yusuf 'Allan Sarkis. (T.th). *Mu'jam al-Matbu'ah al-'Arabiyyah wa al-Mu'arrabah*. al-Qahirah: Maktabah al-Thaqafah al-Diniyyah.